



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK H1N1 DI MALAYSIA 2010 Bagi Minggu Epid 02/2010 (10 – 16 Januari 2010)

Dalam tempoh seminggu yang lepas (10 – 16 Januari 2010) seramai 355 pesakit baru dengan simptom *Influenza-Like Illness* (ILI) telah dimasukkan ke hospital untuk rawatan dan sementara itu 339 kes pula telah discaj keluar. Baki kes ILI yang masih dirawat di seluruh negara pada hari terakhir minggu epid 02/2010 (16 Januari 2010) adalah sebanyak 341 kes di 43 buah hospital kerajaan. Daripada jumlah tersebut, hanya 25 pesakit atau 7.3% merupakan kes Influenza A(H1N1) yang disahkan melalui ujian makmal. Sehingga 16 Januari 2010, jumlah terkumpul kes positif influenza A(H1N1) adalah 12,356. Untuk makluman, terdapat 5 kes H1N1 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi(ICU). Empat (4) mempunyai faktor risiko manakala seorang tiada sebarang faktor risiko.

Satu (1) kejadian kluster ILI telah dilaporkan di Kem PLKN Geokosmo Sungai Selisek, Hulu Selangor pada 16 Januari tetapi kedua-dua sampel yang diambil adalah negatif untuk Influenza A. Tiada kematian baru kes H1N1 dan jumlah terkumpul kekal 77 sehingga kini.

Penularan jangkitan influenza A(H1N1) masih lagi aktif khususnya di negara-negara beriklim sederhana di Hemisfera Utara. Penularannya di Eropah Timur dan Selatan, Asia Selatan dan Timur serta Utara Afrika masih aktif walaupun menunjukkan tanda-tanda penurunan. Majoriti kes yang dikesan adalah disebabkan oleh jangkitan virus influenza A(H1N1). Sementara itu, jumlah kematian akibat jangkitan influenza A(H1N1) di seluruh dunia sehingga 10 Januari 2010 adalah melebihi 13,554 kes, iaitu meningkat 5.9% berbanding dengan minggu sebelumnya.

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengingatkan masyarakat bahawa Influenza A (H1N1) masih aktif di Malaysia, begitu juga diperingkat global, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) masih lagi mengekalkan tahap *pandemic alert* pada fasa 6, tahap tertinggi yang telah diisytiharkan sejak 11 Jun 2009. Justeru, orang awam dinasihatkan untuk terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 terutamanya mereka-mereka yang bersimptom.

Memandangkan sesi latihan khidmat negara di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada tahun 2010 telah bermula dan melibatkan pergaulan rapat sesama pelatih, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengingatkan pelatih dan juga pihak berkuasa di Kem PLKN seluruh negara agar berwaspada dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 yang telahpun terbukti berkesan. Pihak berkuasa di Kem PLKN haruslah memastikan pelatih-pelatih sentiasa berada dalam keadaan sihat serta memantau tahap kesihatan pelatih semasa mereka berada di kem latihan. Sekiranya pelatih-pelatih mengalami tanda-tanda Influenza A(H1N1), mereka perlu dirujuk untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Langkah-langkah pencegahan yang boleh diamalkan oleh pelatih PLKN adalah:

- a) Bagi pelatih yang mengalami demam, batuk dan sakit tekak; mereka perlulah mendapat rawatan dengan segera terutamanya mereka dari golongan berisiko tinggi jangkitan H1N1 dan perlu tinggal berasingan daripada pelatih lain di bilik pengasingan serta tidak meneruskan latihan sementara waktu. Para pelatih boleh kembali meneruskan latihan di kem PLKN apabila telah sembuh;
- b) Basuh tangan dengan kerap menggunakan air atau sanitiser, terutamanya selepas batuk atau bersin;
- c) Amalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan;

- d) Pakai penutup hidung dan mulut jika mempunyai tanda-tanda demam selsema seperti demam, batuk dan sakit tekak dan jangan mengunjungi tempat awam untuk elakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain;
- e) Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang bersimptom jangkitan H1N1 atau *influenza like-illness(ILI)*;
- f) Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai agar tidak memandang ringan atau mengabaikan langkah-langkah pencegahan Influenza A(H1N1) yang telah diumumkan sebelum ini. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan Influenza H1N1 serta langkah-langkah pencegahan boleh memperolehnya melalui laman web <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

20 Januari 2010